

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI HARTA PUSAKA BEKU DI MALAYSIA**

**Wan Suraya Wan Hassin**

Fakulti Pengurusan Dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia  
Email: wansuraya@kuis.edu.my

**Wan Shahzlinda Shah Shahar**

Fakulti Pengurusan Dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia  
Email: wanshahzlinda@kuis.edu.my

**Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan**

Fakulti Pengurusan Dan Muamalah,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia  
Email: ummi@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Masalah harta pusaka beku semakin kronik di Malaysia kerana jumlah harta pusaka beku yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Fenomena ini menimbulkan pelbagai isu dan menjadi permasalahan yang semakin kritikal serta amat sukar untuk diselesaikan. Sekiranya, harta-harta umat Islam ini tidak dibangunkan, ianya amat merugikan umat Islam sendiri. Masalah ini berlaku disebabkan oleh masalah pengurusan harta pusaka di dalam masyarakat umat Islam Malaysia yang mana kurangnya tahap kesedaran umat Islam itu sendiri tentang aspek pengurusan harta mereka. Selain itu juga, umat Islam seringkali membuat pelbagai andaian tidak tepat mengenai konsep pengurusan harta pusaka. Kelalaian dalam menguruskan harta akan memberikan impak kepada perkembangan ekonomi negara kerana harta tersebut beku dan tidak dapat digunakan dengan sewajarnya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah harta pusaka tidak dituntut dan diuruskan. Metod yang digunakan adalah kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan ke atas pengurusan harta pusaka.

**Kata kunci:** beku; harta; pusaka

### **1. PENGENALAN**

Masalah pengurusan harta pusaka ini semakin membarah di dalam masyarakat umat Islam kita pada hari ini. Dengan peningkatan status ekonomi masyarakat Islam, maka timbul masalah-masalah dan isu-isu berkaitan pembahagian dan pewarisan harta pusaka (Buang 2008). Masalah peningkatan harta pusaka beku disebabkan oleh kurangnya kesedaran dan pengetahuan kepentingan pengurusan harta pusaka dikalangan masyarakat Islam.

Ahmad dan Laluddin (2010) menyatakan bahawa pada tahun 2005, terdapat 900,000 hak milik tanah daripada 6.2 juta hak milik yang didaftarkan di seluruh negara, masih berdaftar atas nama pemilik yang sudah meninggal dunia. Kesan daripada permasalahan ini,

hasil kerajaan telah terjejas menerusi pungutan cukai tanah dan dianggarkan nilai tunggakan cukai tanah negara berjumlah RM 200 juta. Pada tahun 2006 pula, dianggarkan 1 juta kes tuntutan harta pusaka di Malaysia yang bernilai RM 38 bilion yang masih tertunggak dan tidak diuruskan oleh waris-waris (Ahmad dan Laluddin 2010; Mujani et al. 2011; Mujani et al. 2012). Jumlah tersebut tidak termasuk wang tunai dan harta alih lain yang masih tersimpan di institusi kewangan dan di agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbendaharaan Malaysia dan lain-lain lagi (Ahmad dan Laluddin 2010; Mujani et al. 2012).

Keadaan ini berterusan pada tahun 2007 iaitu berlaku peningkatan kepada RM 40 bilion yang melibatkan lebih kurang 1 juta kes melibatkan RM 38 bilion hartanah, RM 1.5 bilion tunai dan RM 70 juta simpanan KWSP (Mujani et al. 2011; Mujani et al. 2012). Pada 2009, nilai kes tuntutan harta pusaka beku telah mencecah lebih kurang RM 42 bilion (Ahmad dan Laluddin 2010). Pada 2011 pula dianggarkan RM 42 bilion aset yang dimiliki hampir 500,000 benefisiari masyarakat Islam yang masih tidak diagihkan (Mujani et al. 2012).

Keadaan ini dilihat semakin membimbangkan kerana dianggarkan akan bertambah pada setiap tahun. Malah statistik tahun 2012 juga menunjukkan peningkatan harta yang tidak diurus dan dituntut iaitu sebanyak RM 45 bilion (Shahrul Annuar 2012). Budaya perancangan dan pengagihan harta merupakan elemen penting dalam menjamin kelestarian sebuah kehidupan dan memastikan harta yang dijana dapat dikekalkan serta memberikan manfaat kepada waris yang ditinggalkan.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini telah menggunakan kaedah metodologi secara kualitatif yang mana kajian dijalankan secara induktif melalui pembinaan konsep, hipotesis dan teori untuk di kembangkan, dinyatakan dan dijelaskan dalam kajian yang dikaji. Kajian perpustakaan adalah dengan menggunakan sumber-sumber yang terdapat di perpustakaan seperti jurnal, tesis, artikel ilmiah, bahan bacaan, kajian kes, kertas kerja seminar, buku ,artikel majalah termasuk keratan akhbar dari media tempatan dan sebagainya.

Kajian perpustakaan merupakan satu teknik yang digunakan oleh seseorang penyelidik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod yang berkait rapat dengan isu yang cuba dikaji. Selain itu, proses pengumpulan maklumat dilakukan dengan kaedah analisis dokumen iaitu pengumpulan data kajian melalui penyelidikan, pembacaan serta penganalisisan terperinci terhadap bahan dan sumber yang berkaitan kajian bagi menghasilkan menyelesaikan isu dan mencapai objektif kajian. Secara keseluruhan, kajian perpustakaan merupakan kaedah metodologi utama yang digunakan penulis bagi menjalankan kajian ilmiah ini.

## **3. FAKTOR-FAKTOR HARTA PUSAKA BEKU DI MALAYSIA**

Melalui kajian-kajian lepas yang dijalankan, terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti yang menyumbang kepada masalah harta pusaka beku di Malaysia. Antara faktor-faktor tersebut adalah faktor sikap pemilik harta, faktor waris dan faktor perundangan.

### 3.1 Faktor Pemilik Harta

Secara amnya, masyarakat mengetahui bahawa dalam Islam pembahagian harta pusaka setelah berlaku kematian adalah mengikut hukum faraid. Menurut Buang (2009), masyarakat Islam beranggapan bahawa perancangan awal iaitu perancangan pembahagian harta semasa hidup tidak perlu dilakukan ekoran daripada pelaksanaan hukum faraid yang telah ditetapkan dalam Islam. Tanggapan masyarakat Islam pada hari ini perlu diubah ekoran daripada peningkatan harta pusaka beku. Penyataan ini turut disokong oleh pengkaji Md Yusof (2008) dan Mujani et. al. (2011). Ekoran daripada anggapan masyarakat tersebut telah menyebabkan waris-waris perlu menanggung sepenuhnya segala permasalahan yang timbul berkaitan tuntutan dan pengurusan harta pusaka yang ditinggalkan oleh pemilik harta.

Selain itu juga, masalah pembahagian harta pusaka timbul apabila pemilik harta tidak memaklumkan kepada waris-waris berkaitan harta yang dimiliki sehingga menyebabkan waris sendiri tidak mengetahui kewujudan harta pusaka tersebut. Malahan lebih parah lagi apabila pemilik harta tidak mengambil berat hal-hal berkaitan dokumen pemilikan terhadap tanah contohnya kehilangan dokumen pemilikan tersebut akan menyebabkan hakmilik tanah tersebut tidak jelas seperti berlakunya pertindihan sempadan (Md Yusof 2008; Mujani et al. 2011; Wan Harun 2010).

Kesan daripada kehilangan dokumen terhadap pemilikan tanah telah menyebabkan waris-waris sukar mengenalpasti tanah yang perlu dibahagikan dan sukar membuktikan kewujudan tanah tersebut ketika memfailkan tuntutan harta pusaka di Pejabat Tanah, Mahkamah Sivil atau Amanah Raya Berhad (Abdul Rashid dan Yaakub 2010b; Ahmad dan Laluddin 2010; Md Yusof 2008; Muhamad 2006; Mujani et al. 2011).

### 3.2 Faktor Waris

Selain daripada faktor pemilik harta, faktor-faktor waris dilihat menyumbang kesan yang besar terhadap peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut dan diuruskan. Hal ini kerana segala harta pusaka yang ditinggalkan hanya boleh dituntut dan diurus oleh waris melainkan dalam kes-kes tertentu seperti tuntutan yang dilakukan oleh penghulu atau ketua kampung. Oleh itu, jika waris-waris ini gagal menyelesaikan harta pusaka, ia akan menambahkan peningkatan harta pusaka yang terbeku.

Menurut Ahmad dan Laluddin (2010), sikap di kalangan waris yang suka bertanggung-tanggung, mengambil mudah dan memandang remeh isu berkaitan pengurusan harta pusaka turut menyumbang dalam peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut. Waris juga beranggapan isu harta pusaka sebagai isu yang sensitif untuk dibincangkan (Ahmad dan Laluddin 2010; Md Yusof 2008; Wan Harun 2010). Tambahan lagi, sikap bergantung harap kepada pihak-pihak tertentu seperti abang atau kakak yang sulung untuk menguruskan harta pusaka juga menambah kesan buruk terhadap permasalahan ini (Ahmad dan Laluddin 2010).

Perbalahan di kalangan waris boleh timbul disebabkan perebutan tanah yang kecil yang perlu diagihkan mengikut hukum *faraid* dan menentukan siapakah yang paling layak diberikan kuasa untuk mengurus dan menuntut harta pusaka. Timbul juga permasalahan di kalangan waris yang telah lama hilang dan waris yang tidak diketahui kewujudannya seperti anak-anak daripada bekas isteri atau suami dan tiada bukti pewarisan seperti surat nikah dan sijil surat beranak (Buang 2008; Ahmad dan Laluddin 2010). Sikap tamak di kalangan waris juga menyumbang di dalam peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut (Ahmad dan Laluddin 2010). Selain itu, sudah menjadi kebiasaan waris-waris terutamanya di luar bandar tidak segera memohon pusaka jika peninggalan si mati hanyalah tanah di mana waris-waris masih dapat mengusahakan tanah si mati walaupun belum diturunmilik dan perkara ini dilakukan atas persetujuan bersama (Muhamad 2006).

Perancangan pembahagian harta sebelum mati adalah penting untuk waris supaya tidak menghadapi masalah ketika menguruskan pembahagian harta pusaka (Mujani et al. 2011). Ia tidak menafikan hukum *faraid* seperti yang telah ditetapkan di dalam Islam, namun secara pelaksanaan dari sudut undang-undang khususnya di Malaysia tidak semudah yang disangka (Mujani et al. 2011). Perancangan harta merupakan suatu perancangan yang mampu dilaksanakan dengan cara apabila seseorang semasa hayatnya memperoleh, mengurus dan mengagihkan hartanya kepada waris-waris dan benefisiari mengikut budi bicara dan adil. Di samping itu, ia dapat mengawal, memantau dan memanfaatkan harta itu untuk penerima, dirinya dan keluarga semasa hayat dan selepas kematian (Yaacob 2006).

### 3.3 Faktor Perundangan

Kebiasaannya, pembahagian harta pusaka di Malaysia mengalami proses yang panjang, rumit dan melibatkan kos (Abdul Rashid dan Yaakub 2010; Buang 2008; Muhamad 2006; Mujani et al. 2011). Masalah kewujudan pelbagai bidang kuasa dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia yang boleh mengelirukan masyarakat juga turut menyumbang peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut dan diuruskan (Abdul Rashid dan Yaakub 2010; Mujani et al. 2011).

Hal ini disebabkan sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia telah dipengaruhi oleh adat dan perundangan yang digunapakai merupakan tinggalan penjajah (Muda dan Arshad 2006; Muhamad 2006). Namun begitu, sistem tuntutan harta pusaka telah melalui beberapa penambahbaikan di mana mutu pengurusan dalaman telah ditingkatkan termasuklah beberapa pindaan terhadap Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Ahmad dan Laluddin 2010; Muhamad 2006a) dan terdapat pindaan Akta Kewangan 1992 yang memansuhkan cukai pusaka ke atas mereka yang meninggal dunia pada atau selepas 1 November 1991 (Sulong 2011).

## 4. KESIMPULAN

Perancangan dan pengagihan harta adalah sesuatu yang dituntut dalam Islam. Namun, peningkatan harta pusaka beku dilihat semakin meruncing dari tahun ke tahun. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut. Berikutan daripada isu harta pusaka beku yang semakin meningkat, maka muncullah pelbagai inisiatif yang dicadangkan oleh pelbagai pihak.

Inisiatif utama dilihat mampu memberikan impak dalam mengurangkan pertambahan harta pusaka yang terbeku ini ialah dengan merancang pembahagian harta sebelum mati. Perancangan pembahagian harta sebelum mati adalah penting untuk waris supaya tidak menghadapi masalah ketika menguruskan pembahagian harta pusaka. Pelbagai medium telah disediakan bagi memudahkan umat Islam merancang serta mengagihkan harta melalui wasiat, wakaf, sedekah, hukum *faraid* serta *hibah* bagi memastikan harta yang dimiliki dapat diagihkan kepada waris atau saudara terdekat yang selayaknya.

## RUJUKAN

Abdul Rashid, R. & Yaakub, N.I. 2010. Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek* 5(2): 1-18.

Ahmad, M.Y. & Laluddin, H. 2010. Pengurusan harta pusaka: Permasalahan sikap

masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaiannya menurut perspektif Islam. *Shariah Law Reports* 4: 30-54.

- Buang, A.H. 2009. Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia. *Jurnal Muamalat* 2: 1-15.
- Buang, A.H. 2008. Appreciation of Syari'ah principles in property management in contemporary Malaysia society. *Jurnal Syariah* 16(Keluaran Khas): 555-566.
- Md Yusof, N. 2008. Hukum *wisoyah* & realiti permasalahannya dalam konteks perancangan pusaka Islam. *Jurnal Muamalat* 1: 73-102.
- Muda, M.Z. & Arshad, S. 2006. Pengurusan dan tuntutan harta pusaka besar (biasa) orang Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam*, hlm. 359-373.
- Muhamad, A. 2006. Isu-isu dan masalah-masalah dalam pengurusan pembahagian pusaka kecil. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam*, hlm. 27-40.
- Mujani, W.K., Wan Hussain, W.M.H, Yaakub, N.I & Abdul Rashid, R. 2011. Constructions of failure ad delay under Islamic Estate Management. *International Business Management* 5(6): 326-330.
- Mujani, W.K., Wan Hussain, W.M.H, Yaakub, N.I & Abdul Rashid, R. 2012. Gift inter vivos for charged property. *The Social Sciences* 7(2): 196-199.
- Shahrul Annuar, S. 2012. Harta pusaka tak diwasiat RM45 bilion. [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/HartapusakatakdiwasiatRM45bilion/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/HartapusakatakdiwasiatRM45bilion/Article/index_html) [23 Oktober 2012].
- Sulong, J. 2011. *Pembaharuan Undang-undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wan Harun, W.A.H. 2010. Penyelesaian dan Pembahagian Harta Pusaka: Isu dan Masalah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4(1): 68-106.
- Yaacob, O. 2006. Pembentukan *Trust Hibah* sebagai alternatif perancangan harta. Dlm. Mahamood, S.M. (pnyt). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*, hlm 171-205. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.